



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KHAS**

Bil. 37

Isnin

19 Februari 2024

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 2)
Memilih Tuan Yang di-Pertua	(Halaman 2)
TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH	(Halaman 3)
UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 4)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
4. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
5. “ Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Hal Ehwal Agama]
6. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
8. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan]
9. “ Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman (Johor)
10. “ Tuan Abun Sui Anyit
11. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
12. “ Dato’ Ahmad bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
13. “ Dato’ Ajis bin Sitin (Pahang)
14. “ Tuan Amir bin Md. Ghazali (Pulau Pinang)
15. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman
16. “ Dato’ (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
17. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
18. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
19. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
20. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
21. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
22. “ Tuan Haji Hussin bin Ismail (Terengganu)
23. “ Dato’ Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
25. “ Dr. Lingeshwaran a/l Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
26. “ Tuan Manolan bin Mohamad
27. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
28. “ Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 29. | Yang Berhormat | Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh |
| 30. | “ | Tuan Mohd Hasbie bin Muda |
| 31. | “ | Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli |
| 32. | “ | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 33. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 34. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 35. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 36. | “ | Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan |
| 37. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 38. | “ | Puan Noorita binti Sual |
| 39. | “ | Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol |
| 40. | “ | Tuan Roderick Wong Siew Lead |
| 41. | “ | Datin Hajah Ros Suryati binti Alang |
| 42. | “ | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 43. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak) |
| 44. | “ | Dato' Sivaraj a/l Chandran |
| 45. | “ | Puan Susan Chemerai Anding |
| 46. | “ | Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee |
| 47. | “ | Dato' Sri Ti Lian Ker |
| 48. | “ | Dato' Sri Vell Paari a/l Samy Vellu |
| 49. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 50. | “ | Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] |
| 2. | “ | Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pendidikan Tinggi] |
| 3. | “ | Datuk Razali bin Idris |
| 4. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 5. | “ | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |
| 6. | “ | Tuan Isaiah a/l D. Jacob |

AHLI TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

58. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Low Kian Chuan
59. " Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah

HADIR BERSAMA

1. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Perdana Menteri dan Menteri Kewangan] (Tambun)
2. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof [Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam] (Petrajaya)
3. " Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang)
4. " Datuk Aiman Athirah binti Sabu [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Sepang)
5. " Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Parit Sulong)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KHAS

Isnin, 19 Februari 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.00 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed)
mempengerusikan Mesyuarat]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Setiausaha: Mengangkat sumpah seorang Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini adalah selaras dengan peruntukan Perkara 59(1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 4(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara serta mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal.

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal.

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

■1410

PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan bahawa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis telah memaklumkan kepada saya bahawa atas faedah orang ramai, adalah penting dan mustahak bagi Majlis mengadakan satu Mesyuarat lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan sebelum ini.

Maka, satu Mesyuarat Khas telah dipanggil pada hari ini, 19 Februari 2024. Urusan yang telah ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seperti mana yang dimaklumkan oleh Pemberitahuan yang telah dikeluarkan oleh Setiausaha Dewan Negara pada 9 Februari 2024 iaitu untuk memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perkara ini dibuat selaras dengan Peraturan Mesyuarat 10(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Dengan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi... [Tepuk]

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan, serta mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1 dan 2, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, Majlis Dewan Negara pada hari ini akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Selaras juga dengan Peraturan Mesyuarat 2(1) ini juga, saya telah dimaklumkan oleh Setiausaha Dewan Negara bahawa beliau hanya menerima satu sahaja cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Cadangan tersebut adalah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis.

Sehubungan dengan itu, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengemukakan cadangan nama Ahli yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan cadangan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Beliau merupakan anak jati negeri Sarawak berasal daripada kalangan etnik Lun Bawang. Ini adalah satu lagi pelantikan yang bersejarah dan komitmen berterusan Kerajaan Madani dalam mengiktiraf dan memastikan suara, pandangan dan perwakilan dari semua kalangan rakyat termasuk Orang Ulu di Parlimen.

Beliau merupakan pengamal undang-undang dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Rakyat selama dua penggal sebelum ini. Sesungguhnya beliau mempunyai pengalaman yang amat luas dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang Ahli sahaja yang dicadangkan dan disokong untuk menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Datuk Mutang Tagal dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara...
[Tepuk]

[Tuan Yang di-Pertua dibawa ke hadapan meja Setiausaha dan dipakaikan jubah serta songkok rasmi oleh Setiausaha Dewan Negara di hadapan Ahli-ahli Mesyuarat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat duduknya]

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: Saya Mutang Tagal, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar pada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan di Buku Angkat Sumpah]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPTAMA OLEH TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera dan salam perpaduan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri. Seterusnya, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang saya amat hormati.

Terdahulu, saya ingin merafak sembah, menjunjung kasih limpah perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara berkuat kuasa mulai 15 Februari 2024 hingga 14 Februari 2027.

■1420

Saya turut ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Ketua Majlis kerana telah mencadangkan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang kedua puluh.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana meletakkan kepercayaan beliau dan mencadangkan nama saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisi jawatan yang membawa tanggungjawab yang besar dalam pelaksanaan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Saya kira masih belum terlewat juga untuk saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang di-Pertua Dewan Negara yang kesembilan belas, Tuan Yang Terutama Tun Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas lantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan juga ribuan terima kasih atas sumbangan beliau dalam menggerakkan Agenda Transformasi Parlimen Malaysia semasa lantikannya. Menjadi satu penghormatan kepada saya untuk meneruskan legasi yang telah beliau gerakkan ini.

Perundangan adalah bidang dekat di hati saya. Maka pengalaman dan pengetahuan saya sebagai pengamal undang-undang akan saya gunakan sebaiknya bagi terus memperkasa dan memartabatkan lagi kedudukan Dewan Negara dan Parlimen Malaysia sebagai badan legislatif di Malaysia, seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Saya akan meneruskan agenda transformasi yang telah dirancang termasuk pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen, pindaan-pindaan kepada Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, menambah baik Peraturan Mesyuarat atau *Standing Orders* dan juga perwujudan Kod Etika Ahli Parlimen.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, "*When the legislative and executive powers are united in the same person, or in the same bodies magistrates, there can be no liberty. There is no liberty of the powers of judging are not separated from the legislative and executive. There would be an end to everything. If the same man or the same body were to exercise*

those free powers.” A famous saying on the separation of powers by Montesquieu, a French social commentator and political thinker in 1748.

Doktrin pengasingan kuasa ini bukan sesuatu yang baru. Ini merupakan fundamental kepada Parlimen Malaysia sebagai satu-satunya badan yang meluluskan undang-undang dan dasar negara.

Dalam semangat yang sama, suka saya ingatkan bahawa fungsi ini juga datang bersama tanggungjawab kepada Dewan Negara sebagai mekanisme semak dan imbang. Bukan sahaja kepada badan eksekutif, tetapi juga kepada Dewan Rakyat.

Saya percaya setiap Ahli Dewan Negara yang membawa kredibiliti profesional masing-masing akan terus memastikan setiap undang-undang yang dibentangkan dan dibahaskan, untuk kelulusan Dewan yang mulia ini, bukan sahaja memberi manfaat dan melindungi hak semua rakyat Malaysia, malahan ia juga telah mengambil kira semua implikasi pelaksanaannya.

Dewan Negara sebagai *The Upper House*, dengan izin, harus sentiasa mengekalkan kredibiliti dan prestij dalam perbahasan sesebuah rang undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat. Saya menyeru setiap Ahli Dewan Negara agar berbahas dengan *substance*, dengan izin, secara konstruktif dan tegas menyatakan pendirian berlandaskan bidang kepakaran masing-masing, walaupun pendirian itu ada kalanya tidak selari dengan keputusan di Dewan Rakyat.

Saya setuju dengan kata-kata daripada Cicero iaitu dengan izin, *“I have always been of the opinion that unpopularity earned by doing what is right, is not unpopularity at all but glory.”* Dengan izin Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini, *this is the highest debating chamber in the land. Because it is the highest debating chamber in the land, we have to discuss matters of national importance.* Bukan perkara yang remeh temeh. *The highest debating chamber in the land, the country expects us to discuss, dengan izin, matters which are of national importance. That will bring common good and benefit to the rakyat and also to the country.*

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kali terakhir saya berada di Parlimen ini adalah pada tahun 1990 semasa saya berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Bukit Mas. Bukit Mas itu Limbang-Lawas. Sekarang dua Parlimen di sana. Pada masa saya, saya mewakili *the whole of Limbang-Lawas, sandwiched between the two Brunei* yang kini dikenali sebagai Lawas dan Limbang.

Walaupun tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Parlimen saya masih berpeluang berkhidmat pada rakyat, khususnya rakyat di negeri Sarawak. Pembabitan saya di dalam bidang perniagaan bersama masyarakat akar umbi telah memberikan saya peluang untuk mengetahui, apa keperluan dan suara rakyat di segenap peringkat.

Kini saya diberi kepercayaan untuk kembali berkhidmat sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang kedua puluh, dan dengan pengalaman dan pengetahuan saya serta sokongan padu daripada Ahli Yang Berhormat sekalian, serta sokongan padu daripada badan eksekutif, saya akan memberikan khidmat yang terbaik kepada Parlimen dan juga rakyat Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamad yang telah mengemudikan sidang Dewan dengan cemerlang. *Can you tap for him?... [Tepuk] ...*Dengan cemerlang sekali dan harapan saya, kita dapat bersama-sama berusaha dalam memartabatkan institusi Senat ini. Sekian terima kasih kepada semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan kata-kata ini, sekarang saya tangguhkan mesyuarat Dewan hari ini kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.28 petang]